





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KUMPULAN MELAKA BERHAD Pengurusan Hutan Rekreasi	3
MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA Program Pembangunan Sukan	14
PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA Melaka Sentral Sdn. Bhd.	43
PENUTUP	57



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan, satu Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

3 Februari 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI KUMPULAN MELAKA BERHAD - Pengurusan Hutan Rekreasi

1.1. Hutan rekreasi ialah sebuah kawasan untuk memenuhi cita rasa pengunjung bagi menikmati persekitaran alam semula jadi di samping membantu mewujudkan keharmonian antara pengunjung. Ia digunakan sebagai tempat beriadah seperti berjoging, *jungle tracking*, berkhemah dan aktiviti lain serta memberikan peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan hutan rekreasi. Negeri Melaka mempunyai 6 hutan rekreasi iaitu Hutan Rekreasi Tanjung Tuan, Hutan Rekreasi Sungai Udang, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi, Taman Botanical Ayer Keroh dan Taman Negeri Bukit Sedanan. Daripada 6 hutan rekreasi, hanya Hutan Rekreasi Tanjung Tuan sahaja dikenakan bayaran masuk RM1 kepada pengunjung. Sebelum tahun 2013, kesemua hutan rekreasi ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM). Bagaimanapun hutan rekreasi ini telah diserahkan kepada Kumpulan Melaka Berhad (KMB) berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Julai 2012. Bagi tahun 2009 hingga 2012 sejumlah RM1.28 juta telah dibelanjakan untuk tujuan menyenggara dan pembangunan hutan rekreasi di bawah Peruntukan Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan JPNM.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati pengurusan hutan rekreasi adalah memuaskan dari segi penjagaan kebersihan kawasan dan keselamatan awam. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perjanjian pengurusan hutan rekreasi dan perjanjian sewa tidak disediakan.
- Kemudahan awam dan papan tanda tidak disenggarakan.
- Pewartaan mengkategorikan hutan rekreasi belum dibuat.
- Pemantauan ke atas 3 hutan rekreasi tidak dilakukan.

1.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan hutan rekreasi, Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. JPNM dan KMB perlu segera menyediakan perjanjian pengurusan dan perjanjian sewa bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak dilindungi.

1.3.2. JPNM dan KMB perlu membuat penyenggaraan secara berjadual terhadap kemudahan awam dan papan tanda supaya dapat dimanfaatkan oleh pengunjung.

1.3.3. JPNM perlu mewartakan kawasan hutan rekreasi supaya aktiviti rekreasi dapat dijalankan tanpa sekatan.

1.3.4. JPNM dan KMB hendaklah memastikan penyeliaan dan pemantauan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2. MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

- Program Pembangunan Sukan

2.1. Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Jadual Kedua, Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971. MSNM telah disusun semula oleh Kerajaan Negeri Melaka pada 21 Februari 1991 mengikut Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 (Pindaan Kedua 1988). Misi MSNM ialah komited kepada perkembangan dan kemajuan sukan berprestasi tinggi yang mantap bagi melahirkan atlet negeri yang berkualiti, cemerlang dan berdaya saing di pelbagai peringkat kejohanan dengan harapan mempertingkatkan lagi imej Negeri Melaka. Visi MSNM adalah kecemerlangan sukan Negeri Melaka akan dapat dicapai ke tahap tertinggi dengan komitmen yang jitu dan semangat kesukanan yang tulen sama ada di pertandingan peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Fungsi utama MSNM adalah untuk menyelaras dan membantu persatuan sukan prestasi tinggi, mempergiat program pembangunan atlet, mentadbir kewangan Majlis Sukan Negeri, merancang dan menyelaras program sukan serta membuat syor kepada Kerajaan Negeri Melaka berhubung cara, langkah dan dasar yang perlu diambil bagi memudahkan kemajuan sukan. Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) merupakan kayu pengukur kepada prestasi dan pencapaian MSNM sebagai agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui dan membawa Negeri Melaka ke arah pembangunan sukan yang cemerlang. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, MSNM menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM9.08 juta dan peruntukan daripada Majlis Sukan Negara Malaysia berjumlah RM0.81 juta bagi melaksanakan program sukan yang telah dirancang.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Program Pembangunan Sukan oleh Majlis Sukan Negeri Melaka adalah kurang memuaskan dari segi sasaran pingat dalam kejohanan SUKMA yang tidak tercapai. Terdapat juga beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Program Pembangunan Sukan yang masih perlu diperbaiki seperti berikut:

- Prestasi kejohanan SUKMA bagi tahun 2010 hingga 2013 tidak mencapai sasaran pungutan pingat emas.
- Perancangan strategik pembangunan sukan tidak disediakan secara menyeluruh.

- Pusat latihan tidak disenggarakan, terhad, tidak digunakan dan kurang sesuai serta peralatan sukan tidak digunakan, rosak, usang dan tidak disenggarakan.
- Laporan latihan tidak disemak dan disahkan, masa latihan tidak mencukupi dan elaun jurulatih dan atlet lewat dibayar.
- Pelantikan jurulatih sambil tidak memenuhi syarat dan prestasi jurulatih tidak mencapai sasaran.
- Persatuan sukan tidak berdaftar atau pendaftarannya dibatalkan masih menyertai kejohanan dan menerima bantuan kewangan.

2.3. Bagi memastikan Program Pembangunan Sukan oleh Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan, berhemah dan mencapai matlamat yang ditetapkan, MSNM disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.3.1. Menyediakan pelan strategik yang komprehensif bagi memastikan program pembangunan sukan dapat dijalankan dengan sempurna.

2.3.2. Menaik taraf pusat latihan supaya latihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menjamin keselamatan serta kebajikan atlet.

2.3.3. Memastikan peralatan sukan yang dibekalkan sesuai dan digunakan sepenuhnya serta disimpan dengan baik. Manakala peralatan sukan yang rosak hendaklah dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.3.4. Memastikan jurulatih yang dilantik memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan serta masa latihan atlet mencukupi.

2.3.5. Memastikan semua persatuan sukan berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia bagi mengelakkan masalah pembangunan sesuatu sukan.

3. PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

- Melaka Sentral Sdn. Bhd.

3.1. Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) yang dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Melaka Development Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 9 Februari 2004. MSSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Melaka dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM10 juta. Manakala modal berbayar sejumlah RM1 juta. MSSB dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka (70%) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (30%). Aktiviti utama MSSB adalah menguruskan keseluruhan Kompleks Melaka Sentral (Kompleks) secara profesional bagi memastikan keselesaan dan kemudahan pengangkutan serta perniagaan kepada orang awam dan penyewa. Kompleks terdiri daripada 3 bangunan utama iaitu terminal, medan selera dan bazar. Objektif MSSB adalah untuk menyediakan

kemudahan pengangkutan yang bersepadu menerusi prasarana yang canggih dan terkini serta menyediakan peluang perniagaan kepada penduduk negeri Melaka.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2013 mendapati prestasi kewangan MSSB adalah baik di mana MSSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM736,190 pada tahun 2012, RM679,589 pada tahun 2011 dan RM555,320 pada tahun 2010. Keuntungan yang diperoleh adalah khusus daripada aktiviti sewaan terminal, medan selera dan bazar Melaka Sentral. Keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2012 adalah berjumlah RM155,417. Namun begitu terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

- Pengurusan parkir dibuat tanpa prosedur sebut harga.
- Lot kedai diusahakan oleh peniaga warga asing, disewakan semula kepada pihak ketiga dan pemilihan penyewa tidak melalui proses temu duga.
- Pengunjung kurang berpuas hati terhadap keselamatan dan kemudahan penghawa dingin.

3.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusannya, MSSB adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Pengurusan parkir hendaklah dibuat secara sebut harga supaya MSSB mendapat pulangan hasil terbaik.

3.3.2. Menyemak semula dan mengemaskinikan SOP Penyewaan bagi menangani isu lambakan peniaga warga asing dan *sublet*.

3.3.3. Memastikan keselamatan persekitaran kompleks sentiasa terjamin, dan kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan adalah selesa bagi menggalakkan aktiviti perniagaan dan kehadiran orang awam.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERHUTANAN NEGERI KUMPULAN MELAKA BERHAD

1. PENGURUSAN HUTAN REKREASI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Hutan rekreasi ialah sebuah kawasan untuk memenuhi cita rasa pengunjung bagi menikmati persekitaran alam semula jadi di samping membantu mewujudkan keharmonian antara pengunjung. Ia digunakan sebagai tempat beriadah seperti berjoging, *jungle tracking*, berkhemah dan aktiviti lain serta memberikan peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan hutan rekreasi.

1.1.2. Negeri Melaka mempunyai 6 hutan rekreasi iaitu Hutan Rekreasi Tanjung Tuan, Hutan Rekreasi Sungai Udang, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi, Taman Botanical Ayer Keroh dan Taman Negeri Bukit Sedanan. Daripada 6 hutan rekreasi, hanya Hutan Rekreasi Tanjung Tuan sahaja dikenakan bayaran masuk RM1 kepada pengunjung. Sebelum tahun 2013, kesemua hutan rekreasi ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM). Bagaimanapun hutan rekreasi ini telah diserahkan kepada Kumpulan Melaka Berhad (KMB) berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Julai 2012. Bagi tahun 2009 hingga 2012 sejumlah RM1.28 juta telah dibelanjakan untuk tujuan menyenggara dan pembangunan hutan rekreasi di bawah Peruntukan Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan JPNM. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Perbelanjaan Menyenggara Dan Pembangunan Hutan Rekreasi Bagi
Tahun 2009 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan Pembangunan (RM Juta)	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2009	0.30	0.08	0.38
2010	0.20	0.11	0.31
2011	0.20	0.05	0.25
2012	0.10	0.24	0.34
Jumlah	0.80	0.48	1.28

Sumber: JPNM

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan hutan rekreasi di Negeri Melaka diuruskan dengan baik dan cekap, selaras dengan peraturan yang ditetapkan dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan adalah meliputi pengurusan perbelanjaan, penyenggaraan, penjagaan aset dan inventori hutan, pemertuaan dan pendapatan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 di JPNM dan KMB. Semakan juga telah dilakukan ke atas fail, daftar, minit mesyuarat dan lain-lain rekod berkaitan dengan pengurusan hutan rekreasi. Selain itu, lawatan fizikal terhadap kesemua hutan rekreasi dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati pengurusan hutan rekreasi adalah memuaskan dari segi penjagaan kebersihan kawasan dan keselamatan awam. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perjanjian pengurusan hutan rekreasi dan perjanjian sewa tidak disediakan.
- Kemudahan awam dan papan tanda tidak disenggarakan.
- Pemertuaan mengkategorikan hutan rekreasi belum dibuat.
- Pemantauan ke atas 3 hutan rekreasi tidak dilakukan.

1.4.1. Perjanjian Pengurusan Hutan Rekreasi

1.4.1.1. Perjanjian Di Antara JPNM Dengan KMB

Perjanjian pengurusan secara bertulis perlu dimeterai di antara JPNM dengan KMB bagi mengelakkan berlakunya pertindihan tanggungjawab yang melibatkan kerja-kerja pembersihan, penyenggaraan peralatan dan kemudahan, kawalan keselamatan dan sebagainya. Pengurusan kesemua hutan rekreasi telah diserahkan kepada KMB melalui keputusan MMKN pada 18 Julai 2012. Pengambilalihan tersebut merangkumi semua kemudahan rekreasi dan infrastruktur manakala JPNM bertanggungjawab terhadap aspek pengurusan flora sahaja. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian secara bertulis disediakan antara JPNM dan KMB. Ini disebabkan JPNM beranggapan perjanjian tersebut sepatutnya disediakan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN). Bagaimanapun UPEN mengesahkan penyediaan perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab JPNM.

1.4.1.2. Perjanjian Di Antara JPNM Dengan Melaka Tropical Farm Sdn. Bhd.

Semakan Audit selanjutnya mendapati, sebelum ini pengurusan Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi telah diserahkan kepada Melaka Tropical Fruit Farm Sdn. Bhd. oleh JPNM melalui surat setuju terima bertarikh 1 November 2010. Pihak Audit juga mendapati tiada perjanjian bertulis antara JPNM dan syarikat berkenaan disediakan. Ini kerana JPNM beranggapan surat setuju terima yang dikeluarkan telah memadai. Kesannya, kepentingan Kerajaan Negeri dan JPNM tidak dilindungi. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti pulangan yang sepatutnya diperoleh hasil daripada penyerahan pengurusan ini. Selain itu, adalah sukar untuk menentukan had dan kawasan sesuatu hutan rekreasi terutama dari segi pembahagian tugas yang melibatkan bangunan dan infrastruktur yang diambil alih, kerja kebersihan, penyenggaraan, promosi dan pulangan hasil. **Menurut maklum balas JPNM bertarikh 10 Disember 2013, satu mesyuarat telah diadakan pada 3 Disember 2013 bagi membincangkan perkara ini. Pihak UPEN juga telah memutuskan untuk mengadakan perbincangan khas bersama KMB bagi menyelesaikan isu perjanjian tersebut.**

Pada pendapat Audit perjanjian perlu disediakan antara kedua-dua pihak untuk menjelaskan pembahagian had dan kawasan pengurusan masing-masing dan melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

1.4.2. Perjanjian Sewa

1.4.2.1. Perjanjian penyewaan perlu disediakan untuk menjaga kepentingan kedua belah pihak. Pihak Audit mendapati 4 unit bilik latihan di Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi telah disewakan oleh KMB kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan sewa sejumlah RM1,200 sebulan. KEMAS telah menggunakan bilik latihan tersebut untuk menjalankan aktiviti masyarakat setempat seperti kelas menjahit, mendandan, solekan dan lain-lain.

1.4.2.2. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian penyewaan dimeterai antara KMB dan KEMAS. Ini kerana KEMAS telah memohon pengecualian bayaran sewa dengan alasan kelas yang diadakan bukan berlandaskan keuntungan dan tiada peruntukan untuk menampung jumlah sewaan tersebut tetapi telah ditolak oleh KMB melalui surat bertarikh 30 Julai 2013. Bagaimanapun draf perjanjian penyewaan telah disediakan oleh KMB namun terpaksa ditangguhkan kerana kadar sewa yang dikenakan masih dibincangkan. Kesannya, pihak KMB terpaksa menanggung kerugian ke atas sewa yang tidak dapat dikutip bagi menampung kos pengurusan. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah tunggakan sewa KEMAS sehingga bulan Jun 2013 adalah RM9,200. Bilik latihan yang telah disewakan kepada KEMAS adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Bilik Latihan Menjahit KEMAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.2
Bilik Latihan Solekan Dan Dandanan KEMAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi
Tarikh: 2 Julai 2013

Pada pendapat Audit, perjanjian penyewaan perlu dimuktamadkan bagi menjaga kepentingan kedua belah pihak.

1.4.3. Penyenggaraan Kemudahan Awam

1.4.3.1. Bagi memastikan kawasan hutan rekreasi dijaga dengan baik, penyenggaraan secara berterusan perlu dilakukan bagi memastikan kemudahan kawasan hutan rekreasi terpelihara dan mengelakkan pembaziran. Setiap kemudahan yang rosak hendaklah dibaiki atau diganti bagi memastikan kemudahan yang disediakan berfungsi dan boleh digunakan. Lawatan Audit pada bulan Jun dan Julai 2013 mendapati kemudahan awam, peralatan rekreasi dan landskap di 4 daripada 6 hutan rekreasi adalah kurang memuaskan kerana peralatan rosak dan tidak boleh digunakan serta terbiar contohnya peralatan yang rosak adalah kamera litar tertutup, alatan senam ria, muzium, wakaf, dan landskap air terjun. Empat hutan rekreasi yang terlibat adalah Taman Botanical Ayer Keroh, Taman Negeri Bukit Sedanan, Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi dan Hutan Rekreasi Tanjung Tuan.

1.4.3.2. Tindakan pembaikan tidak diambil oleh JPNM kerana tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Selain itu, terdapat beberapa kemudahan di hutan rekreasi adalah di bawah tanggungjawab KMB seperti chalet, dangau, surau, asrama dan lain-lain. Berdasarkan temu bual dengan pegawai KMB memaklumkan bahawa penyenggaraan akan dijalankan secara berperingkat memandangkan pihak KMB baru mengambil alih pengurusan hutan rekreasi. Antara kerosakan kemudahan awam di hutan rekreasi adalah seperti di **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.15**. **Maklum balas KMB bertarikh 5 Disember 2013, menyatakan penyenggaraan dan pemantauan secara berjadual ada dilakukan.**

Gambar 1.3
Alat Senam Ria Rosak Dan Merbahaya Kepada Pengunjung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 12 Julai 2013

Gambar 1.4
Alat Senam Ria Rosak Dan Merbahaya Kepada Pengunjung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 12 Julai 2013

Gambar 1.5
Besi Penghalang Runtuh Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi
Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.6
Jambatan Gantung Melintasi Tasik Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.7
Bumbung Bangunan Muzium Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.8
Tiang Bangunan Muzium Dimakan Anai-Anai




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.9
Pintu Tandas Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Bukit Sedanan
Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.10
Siling Bocor Yang Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Bukit Sedanan
Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.11
Air Terjun Buatan Rosak Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.12
Rumah Tapak Semaian Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 19 Julai 2013

Gambar 1.13
Kamera CCTV Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 12 Julai 2013

Gambar 1.14
Papan Siling Wakaf Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Botanical Ayer Keroh
Tarikh: 19 Julai 2013



Gambar 1.15
Pokok Tumbang Menghalang Laluan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
Tarikh: 12 Julai 2013

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kemudahan awam, peralatan rekreasi dan landskap adalah tidak memuaskan kerana rosak, tidak boleh digunakan, terbiar dan merbahaya kepada pengunjung.

1.4.4. Penyenggaraan Papan Tanda

1.4.4.1. Papan tanda amat penting dan perlu bagi memberikan panduan kepada pengguna yang berkunjung ke hutan rekreasi. Setiap papan tanda berperanan dalam memberi gambaran kemudahan yang terdapat di kawasan berkenaan, arah jalan dan petunjuk, serta sebagai informasi flora dan fauna yang terdapat di hutan rekreasi. JPNM akan menyenggara papan tanda flora manakala KMB bertanggungjawab ke atas papan tanda arah dan kemudahan tempat.

1.4.4.2. Lawatan Audit ke semua hutan rekreasi mendapati papan tanda dalam keadaan yang tidak memuaskan di Taman Botanical Ayer Keroh, Taman Rekreasi Tanjung Tuan, Hutan Rekreasi Sungai Udang dan Taman Negeri Bukit Sedanan. Ini kerana kebanyakan papan tanda telah pecah, tercabut dan sukar dibaca kerana kurangnya pemantauan dan pemeriksaan berkala bagi tujuan penyenggaraan. Kesannya pengunjung tidak dapat informasi yang tepat dan boleh mencatatkan pemandangan kawasan rekreasi. Bagaimanapun, papan tanda di Taman Botanical Ayer Keroh telah dibaiki dan ditukar selepas teguran Audit. **Maklum balas KMB bertarikh 5 Disember 2013, menyatakan kerosakan papan tanda ini telah dimaklumkan kepada JPNM supaya dibaiki segera. Maklum balas JPNM bertarikh 10 Disember 2013, pula menyatakan penyenggaraan papan tanda tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana tiada peruntukan.** Butiran kerosakan mengikut tempat seperti di **Jadual 1.2**. Manakala keadaan papan tanda yang rosak dan telah dibaiki seperti di **Gambar 1.16** hingga **Gambar 1.23**.

Jadual 1.2
Kerosakan Papan Tanda Mengikut Hutan Rekreasi

Bil.	Hutan Rekreasi	Jenis Papan Tanda	Jenis Kerosakan
1.	Taman Botanical Ayer Keroh	<ul style="list-style-type: none"> • Informasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tertanggal (telah dibaiki selepas teguran Audit)
2.	Hutan Rekreasi Tanjung Tuan	<ul style="list-style-type: none"> • Informasi flora dan fauna • Penunjuk arah 	<ul style="list-style-type: none"> • Lusuh • Tercabut • Sukar dibaca
3.	Hutan Rekreasi Sungai Udang	<ul style="list-style-type: none"> • Penunjuk arah • Informasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar dibaca
4.	Taman Negeri Bukit Sedanan	<ul style="list-style-type: none"> • Penunjuk arah • Informasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tercabut • Sukar dibaca

Sumber: JPNM

Gambar 1.16
Papan Informasi Flora Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
 Tarikh: 14 Julai 2013

Gambar 1.17
Papan Informasi Flora Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
 Tarikh: 14 Julai 2013

Gambar 1.18
Papan Informasi Tidak Boleh Dibaca



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Hutan Rekreasi Sungai Udang
 Tarikh: 2 Julai 2013

Gambar 1.19
Papan Informasi Tidak Boleh Dibaca



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
 Tarikh: 14 Julai 2013

Gambar 1.20
Papan Tanda Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Tanjung Tuan
Tarikh: 14 Julai 2013

Gambar 1.21
Papan Penunjuk Arah Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Bukit Sedanan
Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.22
Papan Informasi Yang Lusuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Negeri Bukit Sedanan
Tarikh: 8 Julai 2013

Gambar 1.23
Huruf Tertanggal Di Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Rekreasi Sungai Udang
Tarikh: 2 Julai 2013

Pada pendapat Audit, penyenggaraan papan tanda adalah tidak memuaskan kerana banyak papan tanda telah pecah, tercabut dan sukar dibaca.

1.4.5. Pewartaan Sebagai Hutan Rekreasi

Lima daripada 6 hutan rekreasi di Negeri Melaka terletak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Mengikut Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984, penggunaan HSK sebagai hutan rekreasi hendaklah diwartakan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pihak Audit mendapati HSK di mana terletaknya 5 hutan rekreasi ini telah diwartakan namun pewartaan bagi mengkategorikan ianya sebagai hutan rekreasi masih belum dilakukan. Manakala Taman Botanical Ayer Keroh tidak perlu diwartakan sebagai hutan rekreasi kerana ianya adalah tanah milik Kerajaan Negeri. JPNM memaklumkan permohonan pewartaan telah dibuat kepada PBN tetapi perkara ini tidak dapat disahkan kerana tiada sebarang dokumen dikemukakan kepada pihak Audit. Kesannya banyak aktiviti tidak dapat dijalankan kerana HSK mempunyai peruntukan undang-undang yang berbeza berbanding hutan rekreasi.

Pada pendapat Audit, tindakan pewartaan bagi mengkategorikan HSK sebagai hutan rekreasi hendaklah diambil dengan segera.

1.4.6. Insurans Bangunan Dan Kemudahan Lain

Bangunan, alatan senaman dan kemudahan lain wajar mempunyai insurans tanggungan awam bagi melindungi pengunjung dan kerosakan harta benda daripada sebarang kemalangan walaupun tiada ketetapan dari segi perundangan dan peraturan. Semakan Audit mendapati bangunan seperti chalet, dangau dan surau serta alatan senaman dan lain-lain kemudahan tidak diinsuranskan. **Maklum balas KMB bertarikh 5 Disember 2013, memaklumkan perlindungan insurans bernilai RM1 juta bagi Taman Botanical Ayer Keroh telah diambil bermula pada 9 September 2013 untuk tempoh setahun terhadap liabiliti awam, kerosakan dan kebakaran.**

Pada pendapat Audit, perlindungan insurans bagi bangunan, alatan senaman dan kemudahan lain di 5 hutan rekreasi boleh melepaskan Kerajaan daripada liabiliti atau tuntutan awam sekiranya berlaku kemalangan.

1.4.7. Penyeliaan Dan Pemantauan

Penyeliaan dan Pemantauan adalah sebahagian proses kawalan untuk memastikan sesuatu pengurusan sesebuah organisasi dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak pengurusan. Bagi menentukan penyeliaan dan pemantauan dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab, laporan pemantauan hendaklah disediakan. Semakan Audit mendapati rekod lawatan ada diselenggara oleh JPNM dan KMB. Selain itu, jadual pemantauan hutan rekreasi menunjukkan 5 orang kakitangan KMB ada ditempatkan di Taman Botanical Ayer Keroh dan seorang di setiap hutan rekreasi yang lain. Bagaimanapun lawatan Audit pada bulan Jun dan Julai 2013 mendapati tiada kakitangan KMB di Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Hutan Rekreasi Sungai Udang dan Hutan Rekreasi Paya Laut Linggi. Ini disebabkan KMB kekurangan kakitangan di samping hutan rekreasi berkenaan kurang dikunjungi pada hari biasa. Kesannya banyak kemudahan, kelengkapan dan papan tanda yang rosak tidak diambil tindakan untuk dibaiki atau diganti.

Pada pendapat Audit, penyeliaan dan pemantauan hutan rekreasi adalah kurang memuaskan kerana pemantauan terhadap 3 hutan rekreasi yang kurang pengunjung tidak dilakukan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan hutan rekreasi Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPNM) dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. JPNM dan KMB perlu segera menyediakan perjanjian pengurusan dan perjanjian sewa bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak dilindungi.

1.5.2. KMB perlu membuat penyenggaraan secara berjadual terhadap kemudahan awam dan papan tanda perlu dilakukan supaya dapat dimanfaatkan oleh pengunjung.

1.5.3. JPNM perluewartakan kawasan hutan rekreasi supaya aktiviti rekreasi dapat dijalankan tanpa sekatan.

1.5.4. JPNM dan KMB memastikan penyeliaan dan pemantauan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

2. PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Jadual Kedua, Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971. MSNM telah disusun semula oleh Kerajaan Negeri Melaka pada 21 Februari 1991 mengikut Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 (Pindaan Kedua 1988). Misi MSNM ialah komited kepada perkembangan dan kemajuan sukan berprestasi tinggi yang mantap bagi melahirkan atlet negeri yang berkualiti, cemerlang dan berdaya saing di pelbagai peringkat kejohanan dengan harapan mempertingkatkan lagi imej Negeri Melaka. Visi MSNM adalah kecemerlangan sukan Negeri Melaka akan dapat dicapai ke tahap tertinggi dengan komitmen yang jitu dan semangat kesukanan yang tulus sama ada dipertandingkan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Fungsi utama MSNM adalah untuk menyelaras dan membantu persatuan sukan prestasi tinggi, mempergiat program pembangunan atlet, mentadbir kewangan Majlis Sukan Negeri, merancang dan menyelaras program sukan serta membuat syor kepada Kerajaan Negeri Melaka berhubung cara, langkah dan dasar yang perlu diambil bagi kemajuan sukan.

2.1.2. Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) merupakan kayu pengukur kepada prestasi dan pencapaian MSNM sebagai agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui dan membawa Negeri Melaka ke arah pembangunan sukan yang cemerlang.

2.1.3. MSNM menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Melaka dan peruntukan daripada Majlis Sukan Negara Malaysia untuk melaksanakan program sukan yang telah dirancang. Peruntukan yang diterima oleh MSNM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah sejumlah RM9.89 juta seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Yang Diterima Oleh MSNM

Peruntukan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Sumbangan Kerajaan Negeri	4.27	1.87	2.94
Majlis Sukan Negara Malaysia	0.20	0.25	0.36
Jumlah	4.47	2.12	3.30

Sumber: MSNM

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan program pembangunan sukan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemah bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi program pembangunan sukan oleh MSNM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di pejabat MSNM dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan program pembangunan sukan serta laporan yang dikemukakan oleh persatuan. Lawatan dan pemeriksaan secara fizikal juga dilakukan terhadap pusat latihan sukan yang terlibat. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas serta pengesahan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Program Pembangunan Sukan oleh MSNM adalah kurang memuaskan dari segi sasaran pingat dalam kejohanan SUKMA yang tidak tercapai. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi kejohanan SUKMA bagi tahun 2010 hingga 2013 tidak mencapai sasaran pungutan pingat emas.
- Perancangan strategik pembangunan sukan tidak disediakan secara menyeluruh.
- Pusat latihan tidak disenggara, terhad dan kurang sesuai serta peralatan sukan tidak digunakan, rosak, usang dan tidak disenggara.
- Laporan latihan tidak disemak dan disahkan, masa latihan tidak mencukupi dan elaun jurulatih dan atlet lewat dibayar.
- Pelantikan jurulatih sambilan tidak memenuhi syarat dan prestasi jurulatih tidak mencapai sasaran.
- Persatuan sukan tidak berdaftar atau pendaftarannya dibatalkan masih dibenarkan menyertai kejohanan dan menerima bantuan kewangan.

2.4.1. Prestasi Pembangunan Sukan

Prestasi Pembangunan Sukan Negeri Melaka boleh diukur berdasarkan pencapaian Negeri Melaka dalam kejohanan SUKMA. Selain itu, Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) yang bertanggungjawab mengendalikan Program Pelapis juga mempunyai Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk mengukur pencapaian atlet pelapis.

2.4.1.1. Prestasi Kejohanan SUKMA

- a. SUKMA adalah kejohanan beraneka sukan dan berkonsepkan Mini Sukan Olimpik di kalangan atlet remaja di bawah umur 21 tahun. Kejohanan SUKMA merupakan matlamat utama MSNM dalam konteks pembangunan sukan Negeri Melaka. Sasaran pungutan pingat dalam SUKMA merupakan satu penilaian terhadap tahap kemajuan pembangunan sukan dan pencapaian atlet. Oleh itu, MSNM telah mensasarkan jumlah pungutan pingat emas yang akan dikutip dalam setiap kejohanan SUKMA.
- b. Semakan Audit mendapati pungutan pingat emas dalam kejohanan SUKMA bagi tahun 2010 hingga 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pungutan pingat emas yang tertinggi adalah pada SUKMA XIII 2010 iaitu 32 atau 53.3% daripada 60 pingat emas yang disasarkan semasa Negeri Melaka menjadi tuan rumah. Manakala hanya 4 pingat emas dapat dipungut pada SUKMA XIV 2011 dan SUKMA XVI 2013 serta 7 pingat emas pada SUKMA XV 2012. Pencapaian keseluruhan kontinjen Negeri Melaka juga didapati menurun daripada kedudukan ke-7 pada tahun 2010 ke kedudukan ke-14 pada tahun 2013 daripada 15 negeri yang menyertai kejohanan termasuk Brunei Darussalam. Butiran lanjut pungutan pingat dan kedudukan keseluruhan seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Pencapaian Pungutan Pingat SUKMA Dan Kedudukan Tempat

Kejohanan	Bilangan Atlet (Orang)	Sasaran Pungutan Pingat	Pencapaian Sebenar Pungutan Pingat			Kedudukan Tempat
		Emas	Emas	Perak	Gangsa	
SUKMA XIII 2010	552	60	32	31	28	7/15
SUKMA XIV 2011	300	27	4	3	6	9/14
SUKMA XV 2012	363	20	7	19	18	13/15
SUKMA XVI 2013	176	6	4	5	8	14/15

Sumber: MSNM

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan SUKMA tahun 2010 hingga 2013 mendapati antara sebab kontinjen Negeri Melaka gagal mencapai sasaran pungutan pingat ialah kecederaan yang dialami oleh atlet bagi acara sukan berpotensi, tempoh latihan intensif yang sepatutnya diadakan sekurang-kurangnya 1½ tahun diadakan kurang daripada 4 bulan, peralatan latihan yang sepatutnya dibekalkan pada bulan Januari, hanya dapat dibekalkan pada bulan Mei dan Jun 2012, pelantikan jurulatih lambat dibuat dan atlet kurang diberi pendedahan dalam kejohanan peringkat kebangsaan kerana tempoh persiapan yang pendek.

2.4.1.2. Prestasi Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri

- a. Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) bertanggungjawab terhadap Program Pelapis Negeri. Antara fungsi USPTN ialah mengenal pasti atlet berbakat dan keperluan pusat latihan, menyediakan peluang dan kemudahan pertandingan kepada

atlet serta bertanggungjawab merancang Program Pelapis Negeri secara keseluruhan.

- b. USPTN telah menetapkan KPI pencapaian sukan berdasarkan 4 proses utama iaitu pengembangan atlet, kecemerlangan atlet, pertandingan dan program binaan. Semakan Audit terhadap KPI USPTN secara keseluruhan bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati pencapaian prestasi adalah meningkat daripada 75% pada tahun 2010 kepada 92% pada tahun 2011 dan menurun kepada 87% pada tahun 2012. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pencapaian KPI USPTN Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Proses Utama	Pencapaian KPI (%)		
		2010	2011	2012
1.	Pengembangan atlet	100	100	76
2.	Kecemerlangan atlet	67	67	100
3.	Pertandingan	83	100	97
4.	Program binaan	50	100	75
Pencapaian Keseluruhan		75	92	87

Sumber: Laporan KPI USPTN

- c. Pengembangan atlet terdiri daripada 2 KPI utama iaitu program latihan yang lebih komprehensif meliputi pusat latihan, disiplin sukan dan ujian kecergasan dan juga pemilihan atlet melalui *talent identification* (TID) dan *talent scouting*. Analisis Audit mendapati pencapaian pengembangan atlet menurun kepada 76% pada tahun 2012 adalah disebabkan pertambahan atlet bagi semua kategori umur tidak mencapai sasaran yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.4**. Ini kerana hanya 6 daripada 10 Program TID yang dirancang pada tahun berkenaan dapat dilaksanakan.

Jadual 2.4
Pertambahan Atlet Mengikut Umur Pada Tahun 2012

Bil.	Kategori Atlet	Sasaran (Orang)	Capaian (Orang)	Capaian (%)
1.	Bawah 12 tahun	57	49	86
2.	Bawah 16 tahun	72	45	63
3.	Bawah 18 tahun	50	31	62
4.	Bawah 21 tahun	37	4	11

Sumber: Laporan KPI USPTN

- d. Kecemerlangan atlet pula diukur berdasarkan pemilihan atlet ke program yang lebih tinggi iaitu Program Pelapis Serantau, Pelapis Kebangsaan dan Elit. Semakan Audit mendapati, tiada atlet yang berjaya ke Program Elit pada tahun 2010 walaupun MSNM mensasarkan 4 orang. Manakala pada tahun 2011 tiada atlet yang berjaya ke Program Pelapis Kebangsaan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Pencapaian Kecemerlangan Atlet

Bil.	Program	2010		2011		2012	
		Sasaran	Capaian	Sasaran	Capaian	Sasaran	Capaian
1.	Pelapis Serantau	0	2	1	2	2	3
2.	Pelapis Kebangsaan	2	4	1	0	2	3
3.	Elit	4	0	0	0	1	1

Sumber: Laporan KPI USPTN

- e. Program Binaan merupakan program peningkatan atlet melalui kursus, bengkel, seminar dan klinik yang diadakan. Program binaan tidak mencapai KPI pada tahun 2010 kerana tiada bengkel, seminar dan kem untuk atlet dianjurkan oleh MSNM. Manakala pada tahun 2012 bengkel dan klinik yang dirancang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kejohanan SUKMA adalah kurang memuaskan kerana pungutan pingat tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun prestasi USPTN adalah baik kerana dapat melaksanakan program yang telah dirancang.

2.4.2. Perancangan Strategik Pembangunan Sukan Tidak Disediakan

2.4.2.1. Keperluan perancangan strategik adalah untuk memperkasakan MSNM bagi menghadapi cabaran dalam menguruskan pembangunan sukan di Negeri Melaka. Perancangan ini akan menjadi asas agar menjurus kepada pencapaian Misi dan Visi MSNM. Strategi yang dirangka perlu bersesuaian dengan program dan didokumentasikan sebagai pelan tindakan strategik bagi jangka tempoh tertentu.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati MSNM tiada menyediakan perancangan strategik pembangunan sukan. Perancangan strategik USPTN tahun 2013 hingga 2016 yang merangkumi strategi penumpuan sukan, pengenalan bakat, program latihan dan penyertaan latihan didapati hanya meliputi Program Pelapis Negeri. Ini menyebabkan kesukaran untuk mengukur pencapaian pembangunan sukan secara keseluruhan di Negeri Melaka. Pengukuran pencapaian pembangunan sukan hanya dilakukan berdasarkan pencapaian SUKMA dan KPI USPTN pada setiap tahun.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik pembangunan sukan adalah kurang memuaskan kerana MSNM tidak menyediakannya secara menyeluruh bagi menilai pencapaian dan prestasi pembangunan sukan keseluruhannya.

2.4.3. Pusat Latihan Sukan

Pusat Latihan Sukan yang lengkap dan sempurna adalah penting bagi memastikan setiap atlet dapat menjalani latihan dengan selesa dan teratur. Selain itu, ia dapat membantu meningkatkan pencapaian dan kemajuan atlet dalam pungutan pingat semasa kejohanan. MSNM mempunyai 2 pusat latihan sukan iaitu Pusat Latihan Negeri di Sekolah Sukan Negeri (SSN) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Kota, Ayer Leleh dan Pusat Sukan MBMB-MSN di Ayer Keroh. Selain itu MSNM ada menyewa pusat latihan daripada Perbadanan Stadium Melaka seperti Stadium Hang Jebat, Kompleks Sukan Hang Jebat, Arena Petanque dan Kompleks Perahu Layar Hang Jebat.

2.4.3.1. Pusat Latihan Sukan Tidak Disenggara

a. Pusat Latihan Negeri

Pusat Latihan Negeri terdiri daripada Dewan MSN di SSN SMK Seri Kota, Dewan Gimnastik dan Pusat Latihan Angkat Berat di Ayer Leleh, Melaka. Lawatan Audit pada bulan Jun 2013 ke Pusat Latihan Negeri, mendapati keadaan berikut:

i. Dewan MSN, SSN SMK Seri Kota

Dewan MSN, SSN SMK Seri Kota tidak disenggara dan tidak dijaga dengan baik. Terdapat kerosakan pada pintu, lampu, lantai dan dinding dewan yang menyebabkan ketidakselesaan dan boleh membahayakan pengguna. Daripada pemerhatian Audit dan temu bual dengan pegawai MSNM, banyak kerosakan berlaku kerana kurang kawalan terhadap penggunaan dewan terutamanya oleh pelajar sekolah. Selain itu, pihak Audit tidak dapat memastikan bilakah kali terakhir dewan ini disenggara kerana tiada rekod berkenaan dengannya dikemukakan. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan bahawa tindakan penambahbaikan terhadap Dewan MSN telah diambil menggunakan wang Tabung Amanah Sukan.** Lawatan susulan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati, semua pintu dan tingkap dewan telah dipasang dengan jeriji besi, manakala pintu yang rosak telah dibaiki seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**. Bagaimanapun lain-lain kerosakan masih belum diambil tindakan pembaikan. Keadaan dewan dan antara kerosakan yang berlaku adalah seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

Gambar 2.1
Dewan MSN Yang Tidak Disenggara Dan
Pintu Dewan Yang Tiada Jeriji Besi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.2
Pintu Dewan Yang Telah Dipasang
Jeriji Besi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 13 Disember 2013

Gambar 2.3
Pintu Masuk Dewan Yang Rosak Ditutup
Dengan Kain



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.4
Pintu Masuk Dewan Yang Telah
Ditukar Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 13 Disember 2013

Gambar 2.5
Lantai Dewan Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.6
Kunci Pintu Dewan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: SSN SMK Seri Kota
 Tarikh: 17 Jun 2013

ii. Dewan Gimnastik

Pihak Audit mendapati bumbung Dewan Gimnastik telah selesai dibaiki dan bahagian luar dewan juga telah dicat semula. Bagaimanapun terdapat kerosakan pada lubang angin yang boleh menyebabkan bahagian dalam dewan menjadi basah sekiranya hujan. Selain itu terdapat juga kerosakan lain di dalam dewan seperti kerosakan plag elektrik dan kipas angin. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan bahawa keperluan penambahbaikan Dewan Gimnastik telah dimaklumkan kepada Majlis Sukan Negara pada 7 Oktober 2013 dan lawatan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis Sukan Negara telah dilakukan pada 15 November 2013.** Lawatan susulan Audit pada bulan Disember 2013, mendapati Dewan Gimnastik masih dalam keadaan yang sama. Keadaan Dewan Gimnastik adalah seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**.

Gambar 2.7
Keadaan Dalam Dewan Gimnastik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.8
Antara Lubang Angin Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

iii. Pusat Latihan Angkat Berat Negeri Melaka

Pihak Audit mendapati Pusat Latihan Angkat Berat tidak disenggarakan dan dijaga dengan baik. Persekitaran pusat latihan berhabuk dan kotor, lantai simen yang pecah dan peralatan latihan tidak disusun. Bagaimanapun, lawatan susulan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati, peralatan sukan angkat berat telah disusun dengan baik walaupun keadaan pusat latihan masih sama. Keadaan Pusat Latihan Angkat Berat seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

Gambar 2.9
Pusat Latihan Angkat Berat Yang Kurang
Kemas Dan Tidak Tersusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.10
Keadaan Pusat Latihan Yang Lebih
Kemas Dan Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 13 Disember 2013

Gambar 2.11
Pusat Latihan Angkat Berat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.12
Antara Lantai Simen Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

b. Pusat Sukan MBMB-MSN

- i. Pusat Sukan MBMB-MSN di Ayer Keroh terdiri daripada dewan yang dilengkapi 10 gelanggang badminton dan lapang sasaran menembak 10 meter, 25 meter dan 50 meter. Pusat sukan yang terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri ini telah diserahkan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah kepada MSNM mulai tahun 2011.
- ii. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2013, mendapati dewan disenggara dan dalam keadaan baik. Bagaimanapun, lapang sasaran menembak 25 meter dan 50 meter tidak disenggarakan. Banyak papan pengadang angin telah rosak/tertanggal, ruang menembak yang berseparah dan kotor, rumput tidak dipotong dan kotak *target* telah rosak. Menurut pegawai MSNM, tiada sebarang penyenggaraan terhadap papan pengadang angin dan kotak *target* sejak SUKMA XIII 2010. Ini menyebabkan latihan atlet dijalankan dalam keadaan kurang selesa dan

keselamatan semasa latihan kurang terjamin. Keadaan lapang sasaran menembak adalah seperti di **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.16**.

Gambar 2.13
Papan Penghadang Angin Dan Rumput Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Menembak 50 Meter,
Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

Gambar 2.14
Papan Penghadang Angin Dan Rumput Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Menembak 25 Meter,
Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

Gambar 2.15
Ruang Tempat Menembak Yang Bersepah
Di Lapang Sasar Menembak 50m



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

Gambar 2.16
Target Yang Rosak Tidak Disenggara
Di Lapang Sasar Menembak 50m



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

- iii. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan penyenggaraan pusat latihan tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan kewangan walaupun permohonan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, MSNM hanya mempunyai seorang pembantu operasi yang ditugaskan untuk menyenggara Dewan MSN SSN SMK Seri Kota, Dewan Gimnastik, Pusat Latihan Angkat Berat dan Pusat Sukan MBMB-MSN.**

2.4.3.2. Ruang Latihan Terhad

- a. Lawatan Audit pada bulan Jun 2013 ke Dewan MSN SSN SMK Seri Kota juga mendapati ruang latihan di dalam dewan adalah terhad kerana digunakan secara bersama untuk latihan sukan ping pong, sepak takraw dan pencak silat. Keadaan ini berlaku kerana latihan dijalankan pada waktu yang sama. Semakan Audit terhadap jadual latihan SUKMA XVI mendapati latihan bola jaring juga sepatutnya diadakan di dalam dewan, bagaimanapun terpaksa dijalankan di gelanggang futsal yang terletak di luar dewan. Keadaan permukaan gelanggang futsal yang bersimen pecah dan tidak rata boleh menyebabkan kecederaan kepada atlet. Keadaan di dalam dewan dan latihan bola jaring seperti di **Gambar 2.17** hingga **Gambar 2.20**.

Gambar 2.17
Latihan Ping Pong, Sepak Takraw Dan
Pencak Silat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan MSN SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.18
Latihan Ping Pong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan MSN SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.19
Latihan Bola Jaring Di Gelanggang Futsal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.20
Lantai Gelanggang Futsal Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

- b. Sementara itu, semakan Audit terhadap jadual latihan SUKMA dan USPTN mendapati dewan di Pusat Sukan MBMB-MSN tidak langsung digunakan untuk tujuan latihan mana-mana acara sukan. **Maklum balas daripada MSNM bertariikh**

2 Disember 2013, menyatakan lokasi dewan yang jauh daripada penempatan atlet dan jurulatih menyebabkan ianya tidak menjadi pilihan untuk latihan. Sebaliknya, dewan ini hanya disewakan kepada orang awam terutamanya untuk bermain badminton pada kadar RM8 sejam dan hanya digunakan sekiranya ada kejohanan. Keadaan dewan di Pusat Sukan MBMB-MSN adalah seperti di **Gambar 2.21** dan **Gambar 2.22**.

Gambar 2.21



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

Gambar 2.22

Dewan Di Pusat Sukan MBMB-MSN



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Sukan MBMB-MSN, Ayer Keroh
Tarikh: 30 Ogos 2013

2.4.3.3. Tempat Latihan Tidak Mengikut Standard

- a. Tempat latihan yang sesuai dan mengikut standard adalah penting supaya atlet dapat menjalani latihan yang lebih berkesan dan sempurna untuk menghadapi pertandingan.
- b. Lawatan Audit pada bulan Jun 2013 ke Pusat Akuatik Hang Jebat mendapati latihan sukan polo air telah dijalankan di kolam acara terjun yang berukuran 20 x 17 meter. Menurut jurulatih sukan polo air, kolam acara terjun adalah kurang sesuai untuk sukan polo air kerana tidak menepati standard kolam polo air sebenar iaitu 20 x 30 meter. Latihan polo air terpaksa dijalankan di sini kerana tiada pilihan tempat lain yang sesuai. Ini menyebabkan atlet menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan standard sebenar kolam polo air semasa pertandingan. Bagaimanapun, atlet polo air Negeri Melaka tetap berjaya meraih pingat emas dalam Kejohanan SUKMA XVI 2013. Kolam acara terjun yang digunakan untuk latihan polo air adalah seperti di **Gambar 2.23** dan **Gambar 2.24**.

Gambar 2.23
Kolam Acara Terjun Yang Digunakan Untuk Latihan Polo Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Hang Jebat
Tarikh: 5 Jun 2013

Gambar 2.24



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Hang Jebat
Tarikh: 5 Jun 2013

Pada pendapat Audit, Pusat Latihan Sukan adalah kurang memuaskan kerana tidak disenggarakan dan ruang latihan yang terhad hingga boleh mengganggu latihan yang dijalankan.

2.4.4. Peralatan Sukan

Bagi memantapkan pembangunan sukan, peralatan sukan yang disediakan mestilah dalam keadaan baik, mencukupi, sempurna dan terkini. Ini kerana peralatan sukan memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan atlet dapat menjalani latihan dengan berkesan. Pada bulan Disember 2010, MSNM telah menerima peralatan sukan bernilai RM4.99 juta daripada Sekretariat SUKMA XIII 2010 untuk kegunaan latihan atlet selain menggantikan peralatan yang rosak. Butiran peralatan yang diterima adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Peralatan SUKMA XIII 2010 Yang Diterima MSNM

Bil.	Peralatan	Jumlah (RM Juta)
1.	Perahu layar	1.36
2.	Perubatan	1.06
3.	Gimnastik	0.85
4.	Kanu	0.45
5.	Angkat berat	0.25
6.	Memanah	0.24
7.	Wushu	0.19
8.	Fisioterapi	0.13
9.	Tinju	0.12
10.	Judo	0.10
11.	Karate	0.08
12.	Pencak silat	0.06
13.	Menembak	0.05
14.	Kesihatan awam	0.05
Jumlah		4.99

Sumber: MSNM

2.4.4.1. Peralatan Sukan Tidak Digunakan

- a. Peralatan sukan yang disediakan hendaklah digunakan dengan berkesan bagi mencapai objektif perolehannya. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 pula menghendaki semua aset digunakan, bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.
- b. Lawatan Audit pada bulan Jun 2013 ke lokasi peralatan sukan disimpan mendapati peralatan gimnastik, angkat berat, tinju, wushu, pencak silat dan memanah tidak digunakan sejak SUKMA XIII 2010. Peralatan juga tidak dijaga dengan baik, dalam keadaan berhabuk, tidak tersusun dan tempat penyimpanan yang kurang sesuai. Menurut pegawai MSNM, antara sebab peralatan tidak digunakan kerana tempat latihan sedia ada telah dilengkapi peralatan dan pemasangan peralatan gimnastik memerlukan kepakaran dan kos yang tinggi. Kesannya, peralatan menjadi rosak, tidak mencapai jangka hayat penggunaan sebenar dan mengakibatkan kerugian kepada MSNM. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Lokasi Penyimpanan Peralatan Sukan Yang Tidak Digunakan

Bil.	Peralatan Sukan	Lokasi Penyimpanan	Penemuan Audit	Peralatan Seperti Di Gambar
1.	Gimnastik	Stadium Hang Jebat	Peralatan rosak, berhabuk, tidak disimpan dengan teratur, tidak digunakan selepas SUKMA XIII 2010. Keadaan tempat penyimpanan tidak memuaskan	Gambar 2.25 hingga Gambar 2.28
2.	Angkat Berat	Stadium Hang Jebat	Peralatan rosak, berkulat tidak digunakan selepas SUKMA XIII 2010	Gambar 2.29
3.	Tinju	Stadium Hang Jebat	Permukaan gelanggang kotor, tempat simpanan yang kurang sesuai dan tidak digunakan selepas SUKMA XIII 2010	Gambar 2.30
4.	Memanah	Lapang Sasar Memanah Ayer Keroh	Peralatan terbiar, terdedah kepada hujan dan panas	Gambar 2.31
5.	Pencak Silat	Dewan MSN, SSN SMK Seri Kota	Peralatan tidak disusun dengan teratur dan tidak digunakan selepas SUKMA XIII 2010	Gambar 2.32

Sumber: MSNM

Gambar 2.25
Peralatan Gimnastik Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 2.26



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 2.27
Peralatan Gimnastik Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 2.28



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 2.29
Barbell Yang Tidak Digunakan Berkulat Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 2.30
Boxing Ring Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stadium Hang Jebat
 Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.31
Target Stand Yang Tidak Digunakan Dan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Memanah, Ayer Keroh
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.32
Floor Mat Pencak Silat Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan MSN SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

2.4.4.2. Peralatan Sukan Tidak Disenggara/Usang/Rosak

Semua peralatan sukan hendaklah disenggara dan dijaga supaya dapat berfungsi dengan baik. Peralatan yang rosak atau usang hendaklah dibaiki segera atau diganti supaya atlet dapat menjalani latihan dengan berkesan. Lawatan Audit pada bulan Jun 2013 ke lokasi latihan dan tempat penyimpanan peralatan sukan mendapati peralatan gimnastik, angkat berat, perahu layar, memanah dan pencak silat tidak disenggara, penyimpanan tidak teratur, berkarat, usang dan rosak. Butiran lanjut seperti di perenggan berikut:

a. Peralatan Gimnastik

Lawatan Audit ke Dewan Gimnastik Ayer Leleh mendapati peralatan gimnastik seperti *uneven bar* dan *trampoline* telah berkarat, koyak dan rosak. Menurut jurulatih, peralatan tersebut tidak dapat digunakan lagi kerana faktor keselamatan atlet. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan MSNM sedang mendapatkan kelulusan dan dalam proses untuk memasang peralatan gimnastik yang berada di Stadium Hang Jebat ke Dewan Gimnastik Ayer Leleh.** Lawatan susulan Audit ke Dewan Gimnastik pada bulan Disember mendapati, peralatan yang sama masih digunakan kecuali *uneven bar* yang telah ditukar baru. Keadaan peralatan gimnastik di Dewan Gimnastik Ayer Leleh seperti di **Gambar 2.33** hingga **Gambar 2.36**.

Gambar 2.33
Uneven Bar Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.34
Uneven Bar Yang Telah Diganti Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 13 Disember 2013

Gambar 2.35
Uneven Bar Yang Rosak Dan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.36
Trampoline Net Yang Koyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Gimnastik, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

b. Peralatan Angkat Berat

Lawatan Audit ke Pusat Latihan Angkat Berat mendapati peralatan seperti *barbell*, *olympic bar* dan *home gym* rosak, pecah dan tidak disusun dengan teratur serta tidak disenggara. Bagaimanapun, aktiviti latihan sukan angkat berat masih diteruskan walaupun peralatan yang disediakan kurang sempurna. Keadaan peralatan angkat berat adalah seperti di **Gambar 2.37** hingga **Gambar 2.39**.

Gambar 2.37
Home Gym Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.38
Antara Barbell Yang Usang, Rosak Dan Tidak Disusun Dengan Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013



Gambar 2.39
Olympic Bar Usang Dan Pecah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Latihan Angkat Berat, Ayer Leleh
Tarikh: 17 Jun 2013

c. Peralatan Perahu Layar

Lawatan Audit ke Kompleks Perahu Layar Hang Jebat mendapati peralatan sukan perahu layar seperti enjin bot, layar perahu, *tiller*, *split hook* dan *launching trolley* telah rosak dan perlu diganti baru. Menurut jurulatih bertanggungjawab, *tiller* perlu sentiasa dalam keadaan baik untuk mengemudi perahu layar manakala tanpa *split hook*, perahu layar tidak dapat bergerak. *Launching trolley* pula tidak dapat digunakan secara maksimum semasa latihan kerana tayarnya rosak. Selain itu, daripada pemerhatian Audit, terdapat barang yang tidak berkaitan dengan perahu layar diletakkan di tempat simpanan dan tidak disusun dengan kemas. Kompleks Perahu Layar Hang Jebat pula didapati tidak mempunyai khidmat pengawal keselamatan. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan Kompleks Perahu Layar Hang Jebat adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Stadium Melaka. Manakala pembelian peralatan baru perahu layar bernilai RM30,540 menggunakan peruntukan Tabung Amanah Sukan telah pun diluluskan oleh Jabatan Ketua Menteri Melaka.** Keadaan peralatan sukan perahu layar adalah seperti di **Gambar 2.40** hingga **Gambar 2.45**.

Gambar 2.40
Layar Perahu Yang Koyak Dan Ditampal




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.41
Enjin Bot Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.42
Tiller Joint Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.43
Tayar Launching Trolley Yang Tidak Boleh Digunakan Lagi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.44
Barangan Lain Yang Disimpan Tidak Disusun Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 2.45
Banner Dan Tiang Besi SUKMA XIII 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Perahu Layar Hang Jebat
 Tarikh: 20 Jun 2013

d. Peralatan Pencak Silat Dan Memanah

Peralatan pencak silat disimpan di Dewan MSN, SSN SMK Seri Kota manakala peralatan memanah di Lapang Sasar Memanah Ayer Keroh. Lawatan Audit ke dua-dua lokasi mendapati peralatan pencak silat dan memanah tidak disusun dengan kemas. Ruang penyimpanan peralatan pencak silat adalah terlalu sempit di samping terdapat barangan lain yang tidak berkaitan. Peralatan memanah juga tidak disusun kemas dalam tempat penyimpanan yang didapati kunci pintunya telah rosak. Selain itu, pihak Audit mendapati *target butt* yang digunakan juga telah usang dan perlu diganti. Keadaan peralatan pencak silat dan memanah seperti di **Gambar 2.46** hingga **Gambar 2.50**.

Gambar 2.46
Peralatan Silat Tidak Disusun Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan MSN SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.47



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan MSN SSN SMK Seri Kota
Tarikh: 17 Jun 2013

Gambar 2.48
Tempat Penyimpanan Peralatan Memanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Memanah Ayer Keroh
Tarikh: 13 Jun 2013

Gambar 2.49
Peralatan Memanah Yang Tidak Disusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Memanah Ayer Keroh
Tarikh: 13 Jun 2013



Gambar 2.50
Target Butt Sukan Memanah Yang Usang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapang Sasar Memanah Ayer Keroh
Tarikh: 13 Jun 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan dan penggunaan peralatan sukan adalah kurang memuaskan kerana terdapat peralatan sukan yang tidak digunakan, tidak disenggara dan dijaga dengan baik serta ada peralatan yang rosak tidak diganti. MSNM perlu mengenal pasti peralatan sukan yang rosak dan seterusnya mengambil tindakan pelupusan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.4.5. Latihan Atlet

Latihan atlet mestilah dirancang dan diuruskan dengan baik supaya atlet mempunyai persiapan secukupnya untuk menyertai sesuatu kejohanan. Prestasi latihan atlet hendaklah dinilai oleh jurulatih dan MSNM bagi memastikan kelayakan atlet. Latihan juga perlu dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2.4.5.1. Laporan Latihan Bulanan Tidak Disemak Dan Disahkan

- a. Mengikut senarai tugas jurulatih, laporan latihan hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan kepada MSNM untuk tujuan penilaian prestasi atlet dan pembayaran elaun latihan. Semakan Audit terhadap Laporan Latihan SUKMA tahun 2010, 2011 dan 2012 mendapati lebih 89% laporan tidak diisi dengan lengkap di mana bilangan atlet yang menghadiri latihan tidak diisi, laporan tidak disemak dan disahkan serta tiada ulasan jurulatih. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Laporan Latihan SUKMA Yang Diterima MSNM

Tahun	Laporan Latihan SUKMA			Tidak Lengkap (%)
	Diterima	Lengkap Diisi	Tidak Lengkap	
2010	160	2	158	98.7
2011	28	3	25	89.3
2012	86	1	85	98.8

Sumber: Laporan Latihan SUKMA

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kurangnya kesedaran di kalangan pegawai dan jurulatih terhadap kepentingan laporan latihan. Kesannya, MSNM sukar untuk menilai prestasi atlet SUKMA kerana tiada ulasan jurulatih. Manakala kesahihan jumlah

bayaran elaun latihan boleh diragukan kerana tiada semakan dan pengesahan terhadap laporan latihan oleh pegawai bertanggungjawab.

2.4.5.2. Masa Latihan Tidak Mencukupi

- a. Latihan atlet hendaklah dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2010, 2011 dan 2013, latihan SUKMA telah ditetapkan sekurang-kurangnya 5 kali seminggu. Manakala bagi tahun 2012, latihan perlu dibuat 4 kali seminggu. Tempoh latihan adalah 2 jam bagi setiap sesi. Oleh itu, untuk tempoh sebulan, latihan perlu dijalankan sekurang-kurangnya 40 jam bagi tahun 2010, 2011 dan 2013 dan 32 jam bagi tahun 2012.
- b. Analisis Audit terhadap laporan latihan bagi 33 acara sukan tahun 2010 mendapati 15 daripadanya kurang jam latihan sebanyak 1,224 jam melibatkan 28 Jurulatih Separuh Masa (JSM). Manakala pada tahun 2011, 5 daripada 18 acara pula kurang jam latihan sebanyak 1,272 jam melibatkan 6 JSM. Menurut pegawai MSNM, kurang jam latihan adalah disebabkan oleh cuti umum perayaan, banyak menyertai pertandingan dan terlibat dengan latihan pusat. Kesannya, atlet tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk persiapan kejohanan serta menjejaskan prestasi atlet dan matlamat MSNM. Maklumat lanjut analisis Audit adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

Jumlah Jam Latihan Sebenar Berbanding Yang Sepatutnya Dijalankan Oleh Jurulatih

Bil.	Butiran	2010		2011	
		Acara	Jurulatih	Acara	Jurulatih
1.	Bilangan acara yang kurang jam latihan (a)	15 acara	28 orang	5 acara	6 orang
2.	Jumlah bulan latihan (b)	5 bulan		9 bulan	
3.	Jumlah jam latihan sebulan (c)	40 jam		40 jam	
4.	Jumlah jam latihan yang sepatutnya (a x b x c)=(d)	3,000 jam	5,600 jam	1,800 jam	2,160 jam
5.	Jam latihan sebenar yang dilaksanakan (e)	1,776 jam	3,343 jam	528 jam	432 jam
6.	Jumlah jam latihan yang kurang (d - e)	1,224 jam	2,257 jam	1,272 jam	1,728 jam

Sumber: MSNM

- c. JSM yang dilantik oleh MSNM dikehendaki mematuhi tugas dan tanggungjawab dengan memberikan latihan kepada atlet mengikut jumlah jam yang ditetapkan untuk melayakkan jurulatih tersebut dibayar elaun secara penuh. Sebagai contoh, jurulatih bagi acara olahraga pada tahun 2010 dikehendaki memberi latihan selama 200 jam untuk tempoh 5 bulan. Bagaimanapun, hanya 60 jam latihan diberikan iaitu kurang 140 jam. Berdasarkan **Jadual 2.9**, pada tahun 2010, 28 JSM kurang 2,257 jam latihan. Manakala 6 JSM kurang 1,728 jam latihan pada tahun 2011. Semakan Audit mendapati, JSM yang menjalankan latihan kurang daripada jumlah jam yang sepatutnya ini turut dibayar elaun penuh setiap bulan. Anggaran pengiraan Audit, berlaku lebih bayaran elaun JSM berjumlah RM33,546 seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Lebih Bayaran Elaun JSM

Bil.	Butiran	2010	2011
1.	Jumlah jam latihan yang kurang oleh JSM (Jam)	2,257	1,728
2.	Purata kadar elaun sejam (RM)	6.25	11.25
Jumlah (RM)		14,106.25	19,440.00
		33,546.25	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.5.3. Elaun Jurulatih Dan Elaun Latihan Lewat Dibayar

- a. Mengikut senarai tugas JSM, laporan latihan hendaklah dihantar ke MSNM selewat-lewatnya pada 5 haribulan bulan berikutnya. Elaun akan dibayar selepas laporan latihan ini diterima. Arahan Perbendaharaan 103 pula menghendaki semua tuntutan bayaran dibayar dengan segera tidak lewat 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Semakan Audit terhadap baucar bayaran tahun 2012, mendapati elaun jurulatih dan elaun latihan atlet tahun 2011 telah lewat dibayar antara 2 hingga 12 bulan seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Tempoh Lewat Pembayaran Elaun Kepada Jurulatih Dan Atlet

Bil.	Sukan	Bulan	Tarikh		Tempoh Lewat (Bulan)	
			Laporan Latihan Diterima	Bayaran Dibuat		
1.	Wushu	September 2011	4.10.2011	29.2.2012	3	
2.	Menembak		21.10.2011	1.2.2012	3	
3.	Menembak		Tiada maklumat		15.6.2012	9
4.	Olahraga				15.5.2012	7
5.	Hoki Lelaki				29.6.2012	8
6.	Memanah				19.4.2012	7
7.	Gimnastik				4.5.2012	7
8.	Berbasikal				6.6.2012	9
9.	Boling				30.4.2012	7
10.	Tinju				19.4.2012	7
11.	Perahu Layar				24.9.2012	12
12.	Bola Tampar				24.9.2012	12
13.	Wushu	Oktober 2011	1.11.2011	29.2.2012	3	
14.	Petanque		Tiada maklumat		19.4.2012	5
15.	Boling				30.4.2012	5
16.	Wushu	November 2011	5.12.2011	29.2.2012	2	
17.	Wushu	Disember 2011		29.2.2012	2	
18.	Bola Tampar	Januari 2012	Tiada maklumat		2.7.2012	5
19.	Bola Sepak				24.9.2012	8

Sumber: MSNM

- b. Menurut pegawai MSNM kelewatan membayar elaun jurulatih dan elaun latihan atlet ini adalah disebabkan oleh kegagalan jurulatih untuk menghantar laporan latihan bulanan sebelum 5 haribulan sebagaimana yang telah ditetapkan. Keadaan ini boleh

menjejaskan mutu kejurulatihan dan semangat atlet untuk terus berlatih seterusnya menjejaskan pembangunan sukan di Negeri Melaka.

- c. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013 menyatakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri secara bulanan menyukarkan MSNM untuk merancang perbelanjaan juga merupakan antara sebab elaun jurulatih dan atlet lewat dibayar.**

Pada pendapat Audit program latihan atlet adalah baik. Bagaimanapun pengurusan latihan masih kurang memuaskan kerana laporan latihan tidak disemak dan disahkan, masa jam latihan kurang daripada yang sepatutnya dan kelewatan pembayaran elaun jurulatih dan atlet.

2.4.6. Jurulatih

Jurulatih adalah seorang yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan latihan dengan merancang program, jadual latihan, menyediakan laporan bulanan pencapaian atlet, merancang jadual pertandingan dan menentukan keperluan dan kemudahan latihan. Seorang jurulatih perlu berkelayakan dengan mempunyai sijil kejurulatihan yang bertauliah dan berpengalaman dalam sukan terbabit. Terdapat 3 kategori jurulatih iaitu Jurulatih Separuh Masa/Sambilan (JSM), Jurulatih Sepenuh Masa (JPM) dan Jurulatih Luar Negara (JLN).

2.4.6.1. Pelantikan Jurulatih

- a. JSM atau JPM yang dilantik perlu mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Sains Sukan dan Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) tahap I bagi atlet kategori umur 13 hingga 17 tahun. Manakala SPKK tahap II bagi atlet kategori umur 18 hingga 21 tahun. JLN pula hendaklah mempunyai sijil kejurulatihan yang diiktiraf oleh badan antarabangsa sukan berkenaan. Pemilihan jurulatih akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sukan di peringkat negeri dan tempoh penilaian selama 3 bulan diberikan sebelum ditawarkan kontrak penuh oleh Majlis Sukan Negara (MSN) atau MSNM.
- b. Semakan Audit terhadap fail pelantikan kejurulatihan mendapati semua JSM, JPM atau JLN telah dilantik secara kontrak oleh MSNM atau MSN. Bagaimanapun, terdapat JSM yang dilantik tidak mempunyai Sijil Sains Sukan ataupun SPKK tahap I seperti yang disyaratkan, Surat Penerimaan Perkhidmatan Sebagai JSM tidak ditandatangani dan tiada Surat Tawaran Perkhidmatan Sebagai Jurulatih. Maklumat pelantikan jurulatih tahun 2010 pula tidak dapat disemak kerana tiada rekod mengenainya dikemukakan kepada pihak Audit. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 2.12.**

Jadual 2.12**Penemuan Audit Terhadap Pelantikan JSM**

Bil.	Penemuan Audit	Bilangan Jurulatih			
		2010	2011	2012	2013
1.	Bilangan rekod jurulatih yang disemak	TM	37	19	31
2.	Tidak mempunyai Sijil Sains Sukan/ SPKK Tahap I	TM	17	TM	9
3.	Surat Penerimaan Perkhidmatan Sebagai JSM tidak ditandatangani	TM	37	1	2
4.	Tiada Surat Tawaran Perkhidmatan Sebagai Jurulatih	TM	-	15	-

Sumber: MSNM

Nota: TM – Tiada Maklumat

- c. Menurut MSNM, JSM yang tidak mempunyai Sijil Sains Sukan atau SPKK tahap I adalah bekas atlet dan berpengalaman dalam bidang sukan masing-masing. Bagaimanapun, Mesyuarat MSNM Bersama Jurulatih pada bulan November 2012 memutuskan, mereka perlu mengambil kursus tersebut pada masa akan datang terutama SPKK untuk melayakkan mereka terus dilantik sebagai jurulatih.
- d. JSM yang tidak mempunyai Sijil Sains Sukan atau SPKK tidak dapat menerapkan kaedah latihan yang sempurna dan sistematik untuk meningkatkan prestasi atlet secara keseluruhan. Selain itu, Surat Penerimaan Perkhidmatan Sebagai JSM yang tidak ditandatangani dan tiada Surat Tawaran Perkhidmatan Sebagai Jurulatih akan menyukarkan MSNM untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini.

2.4.6.2. Prestasi Jurulatih

- a. USPTN bertanggungjawab terhadap atlet pelapis bagi 16 acara sukan prestasi tinggi. Prestasi jurulatih USPTN dinilai berdasarkan prestasi atlet yang dilatihnya. Mengikut Kerangka Pelaksanaan Program Unit Pelapis Negeri, MSNM mensasarkan 20% atlet di bawah tanggungjawab jurulatih harus menyertai SUKMA, 70% harus mewakili negeri ke Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) atau kejohanan remaja kebangsaan. Manakala 20% atlet, terpilih menyertai Akademi Pelapis Serantau.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan USPTN mendapati, pada tahun 2010 dan 2012, jurulatih bagi 5 acara sukan prestasi tinggi tidak mencapai sasaran 20% atlet di bawah tanggungjawabnya menyertai SUKMA. Bagaimanapun, pencapaian atlet mewakili negeri ke MSSM dan kejohanan remaja kebangsaan serta atlet terpilih menyertai Akademi Pelapis Serantau tidak dapat dinilai oleh pihak Audit kerana tiada maklumat disediakan oleh USPTN. Maklumat lanjut acara sukan yang tidak mencapai sasaran 20% atlet pelapis menyertai SUKMA adalah seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13**Acara Sukan Yang Tidak Mencapai Sasaran 20% Atlet Pelapis Menyertai SUKMA**

Bil.	Acara Sukan	Jumlah Atlet Pelapis Dilatih		Menyertai SUKMA		Prestasi (%)	
		2010	2012	2010	2012	2010	2012
1.	Akuatik (Renang)	25	-	4	-	16.0	-
2.	Badminton	53	54	4	10	7.5	18.5
3.	Gimnastik Artistik	13	20	2	3	15.4	15.0
4.	Gimnastik Gimrama	44	41	3	4	6.8	9.8
5.	Boling	22	-	4	-	18.2	-
6.	Memanah	-	27	-	5	-	18.5
7.	Squash	-	41	-	8	-	19.5

Sumber: MSNM

- c. **Maklum balas daripada MSNM bertarikh 2 Disember 2013, menyatakan sebab sasaran tidak tercapai kerana bilangan atlet yang dilatih adalah melebihi daripada kuota acara yang ditetapkan dalam kejohanan SUKMA dan atlet masih belum mencapai tahap kelayakan untuk menyertai kejohanan SUKMA.** Bagaimanapun acara gimnastik, badminton, boling dan memanah berjaya menyumbang pingat walaupun jumlah penyertaan atlet adalah kurang.

Pada pendapat Audit, pengurusan jurulatih adalah kurang memuaskan kerana pelantikan jurulatih tidak mengikut syarat dan dokumen pelantikan tidak diurus dengan baik. Bagaimanapun prestasi jurulatih untuk memastikan sekurang-kurangnya 20% atlet menyertai SUKMA masih memuaskan walaupun 5 daripada 16 acara tidak mencapai sasaran.

2.4.7. Persatuan Sukan

Persatuan sukan merupakan suatu pertubuhan yang bertindak sebagai badan pengelola atau perwakilan suatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan. Di Negeri Melaka, terdapat 39 persatuan sukan yang bergabung di bawah MSNM.

2.4.7.1. Persatuan Sukan Yang Tidak Berdaftar Dan Pendaftaran Terbatal

- a. Mengikut Seksyen 15(1) Akta Pembangunan Sukan 1997, badan sukan yang hendak menjalankan apa-apa aktiviti sukan perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan. Seksyen 25(1) pula menyatakan apabila Pesuruhjaya Sukan enggan mendaftarkan mana-mana badan sukan di bawah Seksyen 17 atau apabila pendaftaran mana-mana badan sukan dibatalkan atau digantung di bawah Akta ini, maka peruntukan Seksyen 25(1)(a) hingga (e) adalah terpakai.
- b. Semakan Audit terhadap status 39 persatuan sukan di bawah MSNM mendapati 1 persatuan sukan iaitu Persatuan Woodball Negeri Melaka masih tidak berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan. Manakala 4 persatuan sukan telah dibatalkan pendaftarannya antara 12 hingga 36 bulan dan tiada permohonan baru dikemukakan

kepada Pesuruhjaya Sukan. Maklumat lanjut 4 persatuan terlibat adalah seperti di **Jadual 2.14**.

Jadual 2.14
Pendaftaran Persatuan Sukan Yang Telah Terbatal

Bil.	Persatuan	No. Sijil	Tarikh Dibatalkan	Tempoh Terbatal (Bulan)
1.	Persatuan Bola Jaring Negeri Melaka	0643	12.8.2010	36
2.	Persatuan Dayung Dan Kanu Melaka	0990	3.9.2010	36
3.	Persatuan Petanque Negeri Melaka	0962	24.12.2010	21
4.	Persatuan Ragbi Negeri Melaka	0325	7.9.2012	12

Sumber: Pesuruhjaya Sukan Malaysia

- c. Menurut Pesuruhjaya Sukan, persatuan sukan ini telah dibatalkan pendaftarannya kerana tidak mematuhi syarat seperti Jadual Ketiga, Akta Pembangunan Sukan 1997 iaitu gagal mengemukakan akaun beraudit serta laporan tentang aktiviti, penggunaan dan perbelanjaan semua wangnya, serta lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Sukan. Berdasarkan Seksyen 25 Akta ini, persatuan yang tidak berdaftar atau dibatalkan pendaftarannya adalah tidak dibenarkan menganjur dan menyertai sebarang kejohanan serta tidak boleh menerima bantuan kewangan daripada kerajaan. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati, persatuan ini masih menyertai kejohanan dan menerima bantuan kewangan daripada MSNM.

i. Penyertaan Kejohanan

Semakan Audit mendapati 2 daripada 4 persatuan sukan yang telah dibatalkan pendaftarannya telah menyertai kejohanan di peringkat negeri atau kebangsaan dengan kelulusan MSNM. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.15**.

Jadual 2.15
Penyertaan Kejohanan Oleh Persatuan Yang Telah Terbatal

Bil.	Persatuan	Kejohanan Yang Disertai	Tarikh Kejohanan
1.	Petanque	Kejohanan Petanque Triple Belia Negeri Sembilan	Tiada Maklumat
		Kejohanan Petanque 6 Penjuru Negeri Sembilan	2012
		Kejohanan Petanque Double Kebangsaan	2012
		Kejohanan Petanque Double Terbuka Terengganu	Tiada Maklumat
2.	Ragbi	Kejohanan Ragbi Piala Agong	2012
		Kejohanan Ragbi Crown Jakarta Komodo	3 hingga 6 Mei 2013

Sumber: MSNM

ii. Bantuan Kewangan Kepada Persatuan

Semakan Audit mendapati 1 persatuan yang tidak berdaftar dan 4 persatuan sukan yang telah dibatalkan pendaftarannya masih menerima bantuan kewangan

daripada MSNM sehingga kini. Ini kerana Mesyuarat Jawatankuasa Pengurus Bil. 1/2012 bertarikh 13 Januari 2012 telah memutuskan setiap persatuan sukan akan diberi sumbangan sejumlah RM5,000 dan boleh memohon peruntukan kewangan sekiranya ingin menyertai kejohanan atau pertandingan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013, MSNM telah membelanjakan RM0.16 juta kepada persatuan sukan yang tidak layak seperti yang ditetapkan oleh Akta Pembangunan Sukan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.16**.

Jadual 2.16
Bantuan Kewangan Kepada Persatuan Yang Tidak Berdaftar Dan Pendaftaran Telah Terbatal

Bil.	Persatuan	Bantuan Kewangan				Jumlah (RM)
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
1.	Persatuan Bola Jaring Negeri Melaka	6,500	18,894	13,850	5,000	44,244
2.	Persatuan Dayung Dan Kanu Melaka	4,000	22,675	12,675	5,000	44,350
3.	Persatuan Petanque Negeri Melaka	2,450	18,720	15,250	5,000	88,594
4.	Persatuan Ragbi Negeri Melaka	0	0	13,000	8,000	21,000
5.	Persatuan Woodball Negeri Melaka	0	0	5,000	5,000	10,000
Jumlah		12,950	60,289	59,775	28,000	161,014

Sumber: MSNM

Pada pendapat Audit, pemantauan MSNM terhadap persatuan sukan adalah memuaskan. MSNM perlu memastikan persatuan sukan mematuhi kehendak Akta Pembangunan Sukan 1997 supaya pembangunan sukan Negeri Melaka mencapai matlamatnya.

2.4.8. Kajian Kepuasan Atlet

Bagi menentukan tahap kepuasan atlet terhadap Program Pembangunan Sukan di MSNM, pihak Audit telah mengedarkan 109 borang soal selidik kepada 101 atlet SUKMA dan 8 jurulatih untuk mendapatkan maklum balas. Penilaian untuk menentukan kepuasan atlet meliputi kemudahan di tempat pusat latihan, jadual latihan, kemudahan peralatan sukan yang disediakan dan kebajikan para atlet ataupun jurulatih. Analisis Audit mendapati majoriti responden menyatakan kemudahan peralatan sukan dan kebajikan atlet serta jadual latihan yang disediakan oleh MSNM adalah di tahap baik seperti di **Jadual 2.17**.

Jadual 2.17
Maklum Balas Borang Soal Selidik Terhadap Kepuasan Atlet

Bil.	Penilaian Kemudahan	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)	TM (%)
1.	Latihan Masa, jadual, peralatan latihan sesuai dan mencukupi.	34.6	34.9	28.2	1.8	0.5	-
2.	Kebajikan Atlet/Jurulatih Bayaran elaun, Insurans dan kemudahan perubatan disediakan.	7.6	20.8	18.0	8.0	9.8	35.8
3.	Peluang Untuk Maju Dalam Sukan Kemudahan yang disediakan seperti bantuan peralatan, biasiswa dan kemasukan ke IPTA	19.0	40.1	22.0	4.6	0.3	14.0
4.	Pusat Latihan Sukan Pusat latihan bersih dan selesa, sesuai seperti keselamatan atlet, peralatan latihan dalam keadaan baik dan boleh digunakan.	24.2	36.3	27.4	9.9	0.7	1.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

1 – Sangat Baik

2 – Baik

3 – Memuaskan

4 – Tidak Memuaskan

5 – Amat Tidak Memuaskan

TM – Tiada maklum balas diberikan

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada atlet dan jurulatih mendapati kepuasan responden adalah pada tahap baik.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Pembangunan Sukan oleh Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan, berhemah dan mencapai matlamat yang ditetapkan MSNM disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Menyediakan pelan strategik yang komprehensif bagi memastikan program pembangunan sukan dapat dijalankan dengan sempurna.

2.5.2. Menaiktarafkan pusat latihan supaya latihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menjamin keselamatan serta kebajikan atlet.

2.5.3. Memastikan peralatan sukan yang dibekalkan sesuai dan digunakan sepenuhnya serta disimpan dengan baik. Manakala peralatan sukan yang rosak hendaklah dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.5.4. Memastikan jurulatih yang dilantik memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan serta masa latihan atlet mencukupi.

2.5.5. Memastikan semua persatuan sukan berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia bagi mengelakkan masalah pembangunan sesuatu sukan.

PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

3. MELAKA SENTRAL SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) yang dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Melaka Development Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 9 Februari 2004. MSSB merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Melaka dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM10 juta. Manakala modal berbayar sejumlah RM1 juta. MSSB dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka (70%) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (30%). Aktiviti utama MSSB adalah menguruskan keseluruhan Kompleks Melaka Sentral (Kompleks) secara profesional bagi memastikan keselesaan dan kemudahan pengangkutan serta perniagaan kepada orang awam dan penyewa. Kompleks terdiri daripada 3 bangunan utama iaitu terminal, medan selera dan bazar. Objektif MSSB adalah untuk menyediakan kemudahan pengangkutan yang bersepadu menerusi prasarana yang canggih dan terkini serta menyediakan peluang perniagaan kepada penduduk negeri Melaka. Untuk melaksanakan objektif tersebut MSSB telah menetapkan misi seperti berikut:

- Menyediakan sistem pengangkutan yang teratur dan bersistematik kepada orang awam.
- Memberi peluang perniagaan kepada usahawan kecil dan sederhana.
- Memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

3.1.2. Sehingga bulan Jun 2013, MSSB dianggotai oleh 8 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Pengurusan MSSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 35 kakitangan pengurusan serta 31 kakitangan pembersihan. Pengurusan MSSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh Syarikat, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan MSSB memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2010 hingga bulan Jun 2013. Analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai MSSB, pemeriksaan terhadap aset dan prasarana juga dijalankan. Soal selidik berkaitan keselesaan, keselamatan dan kebersihan serta pengurusan sewa juga dijalankan terhadap peniaga dan pengguna.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2013 mendapati prestasi kewangan MSSB adalah baik di mana MSSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM736,190 pada tahun 2012, RM679,589 pada tahun 2011 dan RM555,320 pada tahun 2010. Keuntungan yang diperoleh adalah khusus daripada aktiviti sewaan terminal, medan selera dan bazar Melaka Sentral. Bagaimanapun keuntungan terkumpul MSSB pada akhir tahun 2012 adalah berjumlah RM155,417 kerana MSSB mengalami kerugian terkumpul pada tahun 2010 dan 2011. Namun begitu terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

- Pengurusan parkir dibuat tanpa prosedur sebut harga.
- Lot kedai diusahakan oleh peniaga warga asing, disewakan semula kepada pihak ketiga dan pemilihan penyewa tidak melalui proses temu duga.
- Pengunjung kurang berpuas hati terhadap keselamatan dan kemudahan penyaman udara.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, prestasi kewangan MSSB adalah baik di mana ia memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Keuntungan berjumlah RM 555,320 pada tahun 2010 meningkat kepada RM 679,589 atau 22.38% pada tahun 2011. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2012 juga meningkat kepada RM736,190 atau 8.33% berbanding tahun 2011. Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut ini adalah disebabkan peningkatan hasil sewaan lot kedai, sewaan papan iklan dan sewaan tapak *booth* bagi bulan perayaan. Keuntungan bagi 3 tahun berkenaan telah menyebabkan MSSB berjaya menghapuskan kerugian terkumpul berjumlah RM886,010 pada tahun 2010 dan seterusnya mencatat keuntungan pada tahun 2012 berjumlah RM155,417.

- b. Pendapatan utama MSSB adalah hasil sewaan iaitu terdiri daripada bangunan terminal, medan selera, parkir, ruang iklan dan juga bazar. Pada tahun 2011, sewaan MSSB telah meningkat kepada RM8.27 juta atau 4.42% berbanding RM7.92 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM8.88 juta atau 7.31% pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh bilangan penyewa yang meningkat dan pertambahan sewaan ruang iklan serta caj tambahan elektrik ke atas sewaan *pushcart*. Manakala MSSB juga mempunyai lain-lain pendapatan yang terdiri daripada kutipan hasil tandas awam. Pada tahun 2011 hasil kutipan telah meningkat kepada RM0.34 juta atau 10.67% berbanding RM0.30 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat pada tahun 2012 kepada RM0.39 juta atau 16%. Peningkatan ini adalah disebabkan pihak MSSB telah mengambil alih pengurusan tandas awam dan kenaikan kadar caj penggunaan tandas pada tahun 2012.
- c. Perbelanjaan MSSB adalah terdiri daripada kos pendapatan belanja pengurusan dan operasi, perbelanjaan faedah sewa beli kenderaan dan peruntukan hutang ragu. Analisis Audit terhadap perbelanjaan MSSB mendapati berlaku peningkatan yang ketara terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2012. Perbelanjaan syarikat pada tahun 2010 yang berjumlah RM8.28 juta telah meningkat kepada RM8.52 juta atau 2.87% pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada RM9.16 juta atau 7.51% pada tahun 2012 disebabkan oleh kenaikan kadar utiliti seperti bil air dan elektrik.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi bersih MSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

**Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/Rugi Bersih MSSB
Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**


Butiran	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Utama	8,831,940	9,192,853	9,875,529
Lain-Lain Pendapatan	5,015	5,837	19,595
Jumlah Pendapatan	8,836,955	9,198,690	9,895,124
Kos Pendapatan	6,740,390	6,729,853	6,981,075
Belanja Pengurusan Dan Operasi	1,497,144	1,745,215	2,163,620
Lain-Lain Belanja	42,760	38,669	8,875
Perbelanjaan Pembiayaan	1,341	5,364	5,364
Jumlah Perbelanjaan	8,281,635	8,519,101	9,158,934
Keuntungan Sebelum Cukai	555,320	679,589	736,190
Cukai	505	27,909	280,223
Keuntungan Selepas Cukai	554,815	651,680	455,967
Keuntungan Terkumpul	-886,010	-253,080	155,417

Sumber: Penyata Kewangan MSSB

- e. Trend pendapatan perbelanjaan dan keuntungan MSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.



Sumber: Penyata Kewangan MSSB



Sumber: Penyata Kewangan MSSB

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan MSSB, beberapa nisbah kewangan telah dianalisis berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan MSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Ringkasan Analisis Nisbah Kewangan MSSB
Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	0.88:1	1.1:1	1.21:1
Margin Untung Bersih	6.29%	7.39%	7.45%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.19:1	0.18:1	0.17:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.56:1	0.68:1	0.74:1

Sumber: Penyata Kewangan MSSB

a. Nisbah Semasa

Mengikut analisis Audit, nisbah semasa MSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 menunjukkan peningkatan daripada 88 sen kepada RM1.21. Bagaimanapun kedudukan nisbah semasa adalah kurang daripada kadar 2:1. Keadaan ini menunjukkan kedudukan kewangan MSSB tidak berkeupayaan melunaskan liabiliti pada masa yang ditetapkan.

b. Margin Keuntungan

Analisis Audit mendapati MSSB memperoleh keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut daripada tahun 2010 hingga 2012. Pada tahun 2010, bagi setiap RM1.00 hasil jualan, margin keuntungan yang diperolehi adalah 6.29 sen (6.29%) manakala pada tahun 2011, margin keuntungan meningkat kepada 7.39 sen (7.39%) dan menurun semula

pada tahun 2012 kepada 25 sen (25.26%). Penurunan margin keuntungan ini disebabkan peningkatan kos pengurusan dan operasi sejumlah RM251,222.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, 2011 dan 2012, MSSB mendapat pulangan ke atas aset masing-masing berjumlah 19 sen, 18 sen dan 17 sen. Penurunan ini adalah disebabkan jumlah perbelanjaan yang semakin meningkat iaitu RM8.28 juta pada tahun 2010 kepada RM9.16 juta pada tahun 2012.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Analisis Audit mendapati pada tahun 2010, 2011 dan 2012, MSSB mendapat pulangan ke atas ekuiti masing-masing sejumlah 56 sen, 68 sen dan 74 sen. Peningkatan ini disebabkan keuntungan sebelum cukai yang semakin meningkat iaitu RM555,320 pada tahun 2010 kepada RM679,589 pada tahun 2011 dan RM736,190 pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MSSB adalah sangat baik dengan mencatat keuntungan semasa 3 tahun berturut-turut. Selain itu keuntungan tersebut telah dapat menampung kerugian terkumpul dan seterusnya pada tahun 2012 MSSB telah berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama MSSB adalah menguruskan keseluruhan Kompleks secara profesional bagi memastikan keselesaan dan kemudahan pengangkutan serta perniagaan kepada orang awam dan penyewa.

3.4.2.1. Pengurusan Parkir Tanpa Sebut Harga

- a. Mengikut amalan terbaik sepertimana digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menyatakan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Parkir kenderaan di Kompleks terbahagi kepada 2 iaitu parkir kereta dan motosikal. Pengurusan parkir kereta telah ditawarkan kepada Syarikat Abimilin Harta Sdn. Bhd. (SAHSB) berkuat kuasa mulai bulan April 2012 dengan kadar RM28,000 sebulan. Manakala mulai bulan Disember 2007, pengurusan parkir motosikal telah ditawarkan kepada Syarikat Siram Utama Enterprise dengan kadar RM1,650 sebulan.
- b. Semakan Audit mendapati tawaran pengurusan parkir kereta bernilai RM336,000 setahun tidak dibuat secara sebut harga. Sebaliknya tawaran tersebut telah

diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MSSB bilangan 2/2012 bertarikh 11 April 2012. **Menurut maklum balas MSSB bertarikh 3 Oktober 2013, tawaran kepada SAHSB dibuat secara terus kerana mempunyai pengalaman menguruskan parkir Kompleks sejak tahun 2004 di mana ia merupakan operator bagi pihak Koperasi Belia Gerakan 4B Berhad (KOB) yang merupakan pengendali parkir yang dilantik sebelum ini.** Kesannya MSSB tidak dapat membandingkan pulangan hasil terbaik yang akan diperoleh daripada pengurusan parkir Kompleks.

3.4.2.2. Prestasi Pengurusan Sewa Terminal Kompleks

Pendapatan utama MSSB adalah hasil sewa daripada lot kedai, *kiosk*, kaunter tiket, kedai makan, *pushcart*, tapak promosi dan ruang iklan yang terletak di 4 zon di dalam terminal Kompleks seperti di **Jadual 3.3**. Bayaran sewa adalah bergantung kepada keluasan tapak dan jenis perniagaan yang dijalankan. Sehingga bulan Jun 2013, sebanyak 201 daripada 207 lot di terminal telah disewakan dengan kutipan hasil sejumlah RM0.51 juta sebulan. MSSB juga telah menyewakan tapak kepada Karisma Landai Sdn. Bhd. (KLSB) dengan bayaran sewa sejumlah RM24,400 sebulan bagi menempatkan 40 *pushcart* milik KLSB. Perjanjian penyewaan ini telah dimeterai mulai bulan Julai 2004 sehingga Mei 2014.

Jadual 3.3
Zon Di Dalam Terminal Kompleks

Zon	Kegunaan Tapak Terminal
A	Tapak promosi dan kedai/ <i>kiosk</i> / <i>pushcart</i>
B	Tapak promosi, kedai/ <i>kiosk</i> / <i>pushcart</i> , kaunter tiket dan ruang menunggu bas
C	Tapak promosi, kedai/ <i>kiosk</i> / <i>pushcart</i> dan kedai makan
D	Tapak promosi, kedai/ <i>kiosk</i> / <i>pushcart</i> dan terminal teks

Sumber: MSSB

a. Lot Kedai Diusahakan Peniaga Warga Asing

- i. Antara visi MSSB adalah menyediakan peluang perniagaan kepada penduduk Negeri Melaka melalui penyediaan Kompleks perniagaan. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan kuota bilangan peniaga di Kompleks adalah 60% untuk bumiputera dan 40% untuk bukan bumiputera. Lawatan Audit mendapati 31 daripada 247 atau 12.6% lot menjalankan perniagaan menjual tudung dan pakaian Muslimah. Semakan Audit di Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati 13 daripada 31 lot atau 41.9% adalah terdiri daripada warga asing melibatkan 4 buah syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan sewa lot telah dibuat atas nama syarikat di mana pegangan saham juga dimiliki oleh warga tempatan yang majoritinya adalah pasangan kepada warga asing berkenaan. Maklumat lanjut lot yang disewakan kepada warga asing dan pegangan saham syarikat adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Lot Yang Disewakan Kepada Warga Asing

Bil.	Nama Syarikat	Pegangan Saham Oleh Warga Asing Pada 18 Julai 2013 (%)	Pemilikan (Lot)		
			MSSB	KLSB	Jumlah
1.	Mawar Selection Sdn. Bhd.	80.2	2	4	6
2.	M.S. Succes Trading Sdn.Bhd	30	2	2	4
3.	Trim Multi Services Co. Sdn. Bhd	100	1	0	1
4.	Yousaf Jaan Sdn.Bhd	50	1	1	2
Jumlah			6	7	13

Sumber: MSSB

- ii. Pengesahan daripada Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Melaka bertarikh 20 November 2013, menunjukkan 4 daripada 6 pemegang saham dalam 4 syarikat ini adalah pemegang pas lawatan sosial dan pemegang pas pengajian yang telah tamat tempoh serta berdaftar dengan syarikat lain dalam sektor pembinaan. Antara lot yang disewakan kepada warga asing seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3**.

Gambar 3.1

Pemilik Syarikat Adalah Warga Asing



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Melaka Sentral
 Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 3.2

Pemilik Syarikat Adalah Warga Asing



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Melaka Sentral
 Tarikh: 20 Jun 2013



Gambar 3.3
Pemilik Syarikat Adalah Warga Asing

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Melaka Sentral
 Tarikh: 20 Jun 2013

- iii. **Maklum balas daripada MSSB bertarikh 3 Oktober 2013, menjelaskan tawaran lot kedai untuk disewa adalah berdasarkan status warganegara pasangan dan penyewa mempunyai pengalaman perniagaan serta status kewangan yang kukuh untuk membayar sewa.**

b. Lot Kedai Disewakan Semula Kepada Pihak Ketiga

- i. Berdasarkan Surat Tawaran Sewaan, penyewa lot kedai yang ditawarkan tidak dibenarkan menyewakan semula lot tersebut kepada pihak ketiga tanpa kebenaran MSSB (*Sublet*). Semakan Audit terhadap surat tawaran sewaan dan pemeriksaan fizikal terhadap lot kedai mendapati peniaga bagi 4 lot kedai adalah merupakan *sublet*. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu daripada 4 lot kedai berkenaan dimiliki oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah MSSB. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Lot Kedai Disewakan Semula Kepada Pihak Ketiga

Bil.	No. Lot	Penyewa Asal	Sublet
1.	74 B	Mike Shop Trading	Trim Multi Services Sdn. Bhd.
2.	74 A	Puteri Nurshahirah Rashid	Yousaf Jaan Sdn. Bhd.
3.	17	Saadon Basiron	Mawar Collection
4.	7 C	Meriah Marketing & Trading Sdn. Bhd.	M.S Success Trading Sdn. Bhd.

Sumber: MSSB

- ii. Antara sebab berlaku *sublet* adalah penyewa asal tidak mampu untuk meneruskan perniagaan dan kurang pemantauan daripada MSSB. **Menurut maklum balas MSSB bertarikh 3 Oktober 2013, tindakan menamatkan sewaan, mengosongkan dan pembaikpulihan lot kedai selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Keusahawanan Bumiputera Bil. 1/2013. MSSB tidak akan berkompromi kepada peniaga yang didapati menyewakan semula lot kedai kepada pihak lain.**

c. Pemilihan Penyewa Tidak Melalui Proses Temu Duga

Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Penyewaan, setiap individu yang ingin menyewa lot kedai di Kompleks perlu membuat permohonan dan melalui proses temu duga. Semakan Audit mendapati 2 lot kedai iaitu KM5 dan KM7 telah ditawarkan kepada penyewa baru tanpa melalui proses temu duga sebaliknya telah dipilih berdasarkan cadangan daripada penyewa terdahulu. Ini menyebabkan peniaga lain tidak mempunyai peluang untuk menjalankan perniagaan. **Menurut maklum balas MSSB bertarikh 3 Oktober 2013, tawaran kepada penyewa baru dibuat atas dasar penyewa tersebut adalah pembekal utama dan pertimbangan budi bicara kerana hubungan saudara antara penyewa terdahulu dan baru.**

Pada pendapat Audit, peluang perniagaan di dalam terminal kompleks kepada penduduk Negeri Melaka adalah baik. MSSB perlu lebih berhati-hati dan serius supaya lot-lot perniagaan tidak jatuh ke tangan warga asing atau di *sublet* agar objektif penubuhan MSSB dalam meningkatkan taraf ekonomi golongan bumiputera tercapai.

3.4.3. Kepuasan Pengguna Dan Peniaga Terhadap Pengurusan MSSB

3.4.3.1. Sebanyak 200 borang soal selidik yang diedarkan telah diterima daripada pengguna dan peniaga di Kompleks untuk menilai tahap kepuasan terhadap kemudahan dan perkhidmatan, pengurusan sewa, kebersihan dan keselamatan Kompleks. Analisis Audit mendapati majoriti responden Kompleks berpuas hati dengan tahap pengurusan Kompleks seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tahap Kepuasan Peniaga Dan Pengguna Terhadap Pengurusan MSSB

Kriteria	Peniaga			Pengguna		
	Kurang Memuaskan (%)	Baik (%)	Tidak Berkenaan (%)	Kurang Memuaskan (%)	Baik (%)	Tidak Berkenaan (%)
Kemudahan dan perkhidmatan	16.0	74.5	9.5	11.5	85.1	3.4
Pengurusan Sewa	17.0	71.0	12.0	-	-	-
Kebersihan	17.8	81.6	0.6	11.8	86.6	1.6
Keselamatan	29.8	59.8	10.4	15.5	73.8	10.7

Sumber: MSSB

3.4.3.2. Berdasarkan **Jadual 3.6**, kepuasan peniaga dan pengguna pada tahap kurang memuaskan adalah tertinggi dari aspek keselamatan 29.8% (peniaga) dan 15.5% (pengguna). Maklum balas daripada borang soal selidik menyatakan, mereka kurang berpuas hati dengan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan yang disediakan dan bimbang dengan kehadiran warga asing yang semakin ramai khususnya pada hujung minggu dan hari cuti umum. Semakan Audit terhadap Laporan Indeks Jenayah di kawasan Melaka Sentral oleh Ibu Pejabat Daerah Melaka Tengah mendapati, bagi tempoh bulan Jun 2010 hingga Jun 2013, sebanyak 17 kes jenayah kekerasan melibatkan samun berkawan tanpa senjata api, samun tanpa senjata api dan cedera parah berlaku di kawasan Melaka Sentral. Manakala 77 jenayah harta benda melibatkan kes curi kereta, motosikal dan lain-lain kecurian berlaku dalam tempoh yang sama.

3.4.3.3. Selain itu dari aspek kemudahan dan perkhidmatan, antara kriteria yang diukur untuk menilai kepuasan peniaga adalah bekalan elektrik dan air, sistem hawa dingin, ruang niaga dan parkir yang disediakan, kaunter pertanyaan dan ruang menunggu. Analisis Audit terhadap maklum balas 100 peniaga mendapati 49 daripadanya menyatakan sistem hawa dingin di Zon D dan ruang menunggu bas ekspres di Zon B adalah kurang memuaskan kerana kurang sejuk dan kerap kali tidak berfungsi. Lawatan Audit ke Zon D dan ruang menunggu bas ekspres di Zon B pada bulan Jun 2013 mendapati keadaan kawasan tersebut adalah kurang selesa kerana sistem hawa dingin yang gagal berfungsi. **Menurut maklum balas MSSB bertarikh 3 Oktober 2013, MSSB**

telah mengambil tindakan pelaksanaan kerja dengan menutup 6 unit pintu geluncur daripada 12 pintu bagi mengelakkan pengaliran udara keluar di kawasan Zon B Terminal Melaka Sentral. Bagi Zon D pula kerja pembaikan dan penyenggaraan telah dilakukan termasuk menukar paip lama dengan yang baru, menyelaraskan semula (*leveling*) akibat mendapan lantai bagi memastikan aliran air berfungsi dengan efisien dan mengeluarkan klorin berlebihan dan berkarat di dalam tangki air simpanan untuk sistem *cooling tower*.

Pada pendapat Audit, pihak MSSB tidak menyenggara kemudahan penghawa dingin dengan baik.

3.4.4. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk dipraktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

3.4.4.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kaji semula 2007) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Buku Hijau. Mengikut Seksyen 122 Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang pengarah di mana setiap orang mempunyai tempat bermastautin di Malaysia. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2013, MSSB dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sebagai Pengerusi dan 7 orang ahli biasa. Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali setahun bagi tahun 2010 hingga 2012. Sehingga bulan Jun 2013 sebanyak 2 kali mesyuarat telah diadakan.

3.4.4.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat itu supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada Pengarah Bukan

Eksekutif syarikat dan pihak luar dari pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam syarikat perlu berpengalaman dan menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan sejak MSSB ditubuhkan pada tahun 2004.

3.4.4.3. Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik seperti yang digariskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004, Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri adalah perlu bagi memastikan wujudnya *check and balance*. Semakan Audit mendapati Audit Dalam tidak pernah diwujudkan sejak MSSB ditubuhkan pada tahun 2004. Selain itu, MSSB juga tidak pernah diaudit oleh badan Audit lain di bawah arahan Kerajaan Negeri.

3.4.4.4. *Standard Operating Procedures*

Standard Operating Procedures (SOP) yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia merupakan bahan rujukan pegawai dalam melaksanakan tugas seharian. Ia juga merupakan tatacara atau peraturan yang harus dilalui dalam menyelesaikan sesuatu kerja/proses seperti prosedur kewangan, prosedur dalam aktiviti yang dilaksanakan dan lain-lain prosedur berkaitan serta tahap kawalan yang ada dalam sesuatu kerja/proses. SOP yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati MSSB ada menyediakan SOP berkaitan kewangan, perakaunan dan perkhidmatan. Bagaimanapun SOP berkaitan pengurusan sewa tidak disediakan tetapi pelaksanaannya hanya berdasarkan carta aliran kerja.

3.4.4.5. Pembayaran Dividen

Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati MSSB telah membayar dividen pada kadar 5% kepada pemegang saham pada tahun 2010 dan 2012 yang masing-masing berjumlah RM18,750 dan RM50,342. Manakala pada tahun 2011, pada kadar 10% berjumlah dan RM47,469.

3.4.4.6. Pembayaran Bonus

Semakan Audit mendapati MSSB telah membayar bonus kepada kakitangannya bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM178,228, RM185,236 dan RM353,364. Pembayaran bonus tersebut mendapat kelulusan dari Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MSSB tanpa dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusannya, Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Pengurusan parkir hendaklah dibuat secara sebut harga supaya MSSB mendapat pulangan hasil terbaik.

3.5.2. Menyemak semula dan mengemas kini *Standard Operating Procedures* (SOP) Penyewaan bagi menangani isu lambakan peniaga warga asing dan *sublet*.

3.5.3. Memastikan keselamatan persekitaran kompleks sentiasa terjamin, dan kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan adalah selesa bagi menggalakkan aktiviti perniagaan dan kehadiran orang awam.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

**Putrajaya
3 Februari 2014**



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my